

U B614 AAB  
PARLIMEN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENAFIKAN DAKWAAN PEMBANGKANG KONONNYA ORANG CINA DI NEGARA INI TERTINDAS SEBALIKNYA MENJELASKAN MEREKA DIBERIKAN PELBAGAI KEBEBASAN DALAM SEMUA BIDANG SEPERTI KEBUDAYAAN, AGAMA, PENDIDIKAN DAN EKONOMI.

PERDANA MENTERI BERKATA NASIB MASYARAKAT CINA DI MALAYSIA JAUH LEBIH BAIK BERBANDING DI NEGARA-NEGARA LAIN YANG MENGANGGAP MEREKA SEBAGAI WARGANEGARA KELAS DUA DAN MENAFIKAN HAK SERTA KEBEBASAN DALAM BANYAK BIDANG KEPADA MEREKA.

KETIKA MENGGULUNG PERBAHASAN USUL KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML) DI DEWAN RAKYAT HARI INI, BELIAU BERKATA KAUM CINA DI NEGARA INI BEBAS MENGAMALKAN AGAMA DAN KEBUDAYAAN MEREKA TANPA GANGGUAN.

+SEDANGKAN DI NEGARA LAIN SEPERTI VIETNAM DAN BURMA, RAKYAT KETURUNAN CINA LANGSUNG TIDAK DIBENARKAN TINGGAL DI SANA,+ KATANYA. BELIAU BERKATA: +DI NEGARA-NEGARA LAIN, ORANG CINA BUKAN SEKADAR TIDAK DIBENARKAN MENGGUNAKAN BAHASA IBUNDA MEREKA MALAH TIDAK DIBENAR MENGADAKAN SEKOLAH-SEKOLAH, KOLEJ DAN UNIVERSTITI CINA DAN DIPAKSA MENUKAR NAMA KEPADA NAMA PENDUDUK TEMPATAN+. -- LAGI  
1842MST 03 07 89

U B615 AAB  
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN DI MALAYSIA KEADAAN ADALAH JAUH BERBEZA SAMBIL MEMBUAT PERBANDINGAN DENGAN AUSTRALIA DAN BEBERAPA NEGARA BARAT YANG TIDAK MEMBENARKAN SEKOLAH-SEKOLAH CINA DIBUKA.

KATA BELIAU: +KEMUNGKINAN BAHASA IBUNDA MEREKA AKAN PUPUS LAMBAT LAUN SEPERTI DI AUSTRALIA DAN NEGARA BARAT AKIBAT TIDAK DIBENAR MENGGUNAKAN BAHASA IBUNDA MEREKA+.

BELIAU JUGA MEMBUAT PERBANDINGAN KEDUDUKAN ORANG CINA DI NEGARA LAIN YANG MENJADI SASARAN TUDUHAN DAN DIKAITKAN DENGAN JENAYAH BESAR SEPERTI KONGSI GELAP DAN JUGA DIANGGAP SEBAGAI AGEN-AGEN KOMUNIS.

PERDANA MENTERI BERKATA KEADAAN HIDUP DAN LAYANAN TERHADAP MASYARAKAT CINA ADALAH BERLAINAN DI MALAYSIA KERANA MEREKA TIDAK PERNAH DITEGUR SEMASA MENGAMALKAN BAHASA, KEBUDAYAAN, AGAMA DAN PELAJARAN.

DALAM SEGI EKONOMI PULA, BANYAK NEGARA TIDAK LANGSUNG MENGELUARKAN LESEN PERNIAGAAN KEPADA ORANG CINA YANG TERPAKSA MENUMPANG LESEN PENDUDUK TEMPATAN TETAPI DI MALAYSIA ORANG CINA BOLEH BERNIAGA SEPERTI ORANG LAIN, JELASNYA. -- LAGI  
1844MST 03 07 89

U B617 AAB  
PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN PEMBANGKANG BAHAWA TIDAK RAMAI ORANG CINA DI NEGARA INI YANG BERFIKIRAN ATAU BERKONGSI PANDANGAN DENGAN PEMBANGKANG SAMBIL MERUJUK KEPADA PERKARA ITU YANG DITIMBULKAN OLEH KETUA PEMBANGKANG, ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-TANJONG).

+MEREKA ADALAH ORANG-ORANG YANG TAAT,+ KATANYA DAN KETIKA ITU ENCIK LIM BANGUN UNTUK MENDAPATKAN PENJELASAN SAMA ADA KETAATANNYA DIPERSOALKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJAWAB BAHAWA BELIAU TIDAKLAH DAPAT MENYATAKAN SAMA ADA ENCIK LIM TAAT ATAU TIDAK.

BELIAU BERKATA: +KITA TIDAKLAH MEMASUKKAN SETIAP ORANG CINA KE DALAM SATU BAKUL+ KERANA KERAJAAN TIDAK MENGANGGAP SEMUA ORANG CINA TIDAK SETIA.

KEPADA PENJELASAN YANG DIMINTA OLEH ENCIK LEE LAM THYE (DAP-BUKIT BINTANG), BELIAU BERKATA PEMBANGKANG YANG MENKRITIK DASAR-DASAR KERAJAAN TIDAKLAH DIANGGAP TIDAK TAAT TETAPI MEREKA YANG JELAS BERUSAHA MEMBURUK-BURUKKAN MALAYSIA PADA MAJA DUNIA ITULAH YANG TIDAK TAAT SETIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBIDAS ENCIK LIM, YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI TIDAK SAMA SEKALI MEMBAHASKAN PRESTASI PENCAPAIAN KERAJAAN DALAM RML SEBALIKNYA MENGAMBIL PELUANG, KETIKA PERBAHASAN, UNTUK MEMBANGKITKAN PERKARA-PERKARA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK DAN PARTINYA. -- BERNAMA

1846MST 03 07 89